



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**“RAIKAN KECERIAAN KELUARGA DI KLIA TERMINAL 1”**

**LOKASI / TARIKH / MASA**  
**KLIA TERMINAL 1**  
**10 APRIL 2025 (KHAMIS)**  
**10.00 PAGI**

*Kemas kini 9 April 2025*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera,**

**Salam Malaysia MADANI,**

**Terima kasih kepada pengacara majlis**

## **SALUTASI**

**1) YBhg. Dato 'Mohd Izani Ghani**

Pengarah Urusan Malaysia Airport

**2) YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**

Ketua Setiausaha Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**3) Rakan-rakan Media**

4) Dato'/Datin/Tuan/Puan para hadirian sekalian

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama dalam **Majlis Raikan Keceriaan Keluarga di KLIA terminal 1** pada pagi ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hari raya kepada semua hadirin sekalian.

2. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Mohd Izani dan pasukan Malaysia Airports kerana menjemput saya dan KPWKM pada pagi ini. Sesungguhnya, lapangan terbang bukan hanya pintu masuk ke negara kita, tetapi juga cerminan siapa kita — rakyat Malaysia yang inklusif, mesra dan prihatin.

3. Saya percaya, ruang awam seperti lapangan terbang harus dibangunkan dengan kepekaan yang tinggi terhadap keperluan kemudahan prasarana fizikal untuk semua golongan masyarakat terutama kanak-kanak, wanita, warga emas, keluarga, serta Orang Kurang Upaya (OKU).

## (A) ASPIRASI MALAYSIA MADANI

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Kerangka Malaysia MADANI menekankan prinsip pembangunan yang inklusif, mampan dan seimbang – bukan dari segi pertumbuhan ekonomi sahaja tetapi juga dari segi kesejahteraan sosial.

5. KPWKM terus berusaha untuk memperkuatkan perkhidmatan yang menyentuh kehidupan rakyat – dari wanita yang bekerja keras untuk menyara keluarganya kepada anak-anak yang memerlukan perlindungan, serta warga emas dan komuniti OKU yang berhak menikmati kehidupan yang bermaruah.

## **(B) DASAR SOSIAL NEGARA & DASAR KANAK-KANAK**

### **NEGARA**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

6. Pada Oktober lalu, kerajaan telah melancarkan Dasar Sosial Negara 2030 — satu dasar komprehensif yang menekankan usaha-usaha untuk meningkatkan kesejahteraan sosial menerusi kolaborasi strategik multi-sektoral.

7. Dasar ini menggalakkan pendekatan rentas sektor dan penyertaan aktif masyarakat, sektor korporat dan NGO dalam membentuk kesejahteraan sosial negara.
8. Selain itu, kita juga telah memperkenalkan Dasar Kanak-Kanak Negara baharu pada November lalu. Ini adalah sebahagian daripada usaha kita untuk memastikan hak setiap anak — untuk hidup, dilindungi, didengari dan membesar dengan sihat, — benar-benar dipelihara.

9. Saya amat menghargai inisiatif Malaysia Airports dalam menyediakan pelbagai kemudahan mesra pengguna seperti:

- Laluan khas dan kaunter keutamaan untuk OKU dan warga emas.
- Bilik penyusuan bayi dan ruang menukar lampin yang bersih dan selesa untuk ibu bapa dan anak-anak kecil.
- Reka bentuk tandas mesra OKU, tanda arah yang jelas dan mesra OKU penglihatan.
- Ruang menunggu yang selamat dan mesra keluarga.

10. Ini adalah contoh reka bentuk sejagat (*universal design*) yang wajar kita galakkan — kerana apabila kita membina dengan inklusif, kita menyatukan seluruh masyarakat.

11. Namun begitu, saya percaya, kemudahan fizikal sahaja tidak mencukupi. Kita perlu menyuntik ‘sentuhan kemanusiaan’ dalam setiap perkhidmatan. Daripada senyuman petugas lapangan terbang, bantuan ikhlas kepada ibu yang mendukung anak, dan layanan beradab kepada warga emas — semua ini tidak memerlukan belanja besar, tetapi impaknya luar biasa.

12. Ini kerana pengalaman di lapangan terbang bukan hanya tentang kemudahan fizikal tetapi turut melibatkan emosi selain turut mampu membuka peluang kepada pemerkasaan ekonomi komuniti setempat. Perkara ini secara langsung menyokong kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif, terbuka dan bersedia menyahut cabaran dunia masa kini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG).

## **(E) KEPENGERUSIAN ASEAN 2025 DAN TAHUN MELAWAT** **MALAYSIA 2026**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

13. Kita akan menyambut dua acara penting — Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026. Ini bukan sekadar peluang pelancongan, tetapi juga dikenali sebagai destinasi mesra keluarga dan komuniti yang hebat dari segi layanan dan nilai masyarakatnya.

14. Dalam hal ini, KPWKM turut memainkan peranan dengan memperkenalkan model perkhidmatan sosial yang progresif. Antaranya ialah lawatan sosial ke Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli, Cheras, kepada delegasi pasangan pemimpin ASEAN pada Mei nanti, yang menunjukkan komitmen negara terhadap penjagaan OKU secara holistik.

## **(F) PENUTUP**

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini sekali lagi saya mengucapkan selamat hari raya dan saya juga ingin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Malaysia Airports atas komitmen berterusan mereka dalam memberi imej yang baik kepada Malaysia.

16. Saya percaya, dengan pelancaran inisiatif pada hari ini, kita semakin hampir ke arah sebuah Malaysia yang benar-benar inklusif tanpa meminggirkan setiap golongan dalam masyarakat. Semoga kerjasama antara sektor korporat dan kementerian akan terus diperkuuh demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**10 April 2025**